

22 FEB 1996

Anwar-Semangat

UMNO TERIMA KEANGGOTAAN SESIAPA SAHAJA YANG MEMENUHI SYARAT

PULAU PINANG, 22 Feb (Bernama) -- Umno menerima sesiapa sahaja yang mahu menganggotai parti itu yang sanggup memenuhi syarat-syarat tertakluk kepada perlembagaan dan semangat perjuangannya, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata sebagai parti yang mendokong prinsip dan dasar pegangan, keanggotaan Umno adalah terbuka kepada orang Melayu sebagai memenuhi matlamat perjuangannya untuk menyatupadukan orang Melayu.

"Tetapi sekiranya terdapat seorang atau dua yang cuba memecah belahkan parti, saya tidak percaya ia dapat dilakukan kerana kita sudah matang dalam proses perjuangan dan mempunyai pengalaman yang masih segar mengenainya," kata beliau pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini, hari ini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kedudukan Presiden parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah sekiranya (Razaleigh) menyertai Umno.

Beliau berkata, kedudukan Razaleigh akan dirujuk kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr mahathir Mohamad dan akan dibincangkan di peringkat Majlis Tertinggi (MT) memandangkan sejarah dan latar belakang beliau dalam Umno.

Menjawab soalan mengenai pengaruh Semangat 46 di kalangan orang Melayu, Anwar berpendapat parti itu bukanlah faktor utama yang menentukan percaturan politik Melayu di negara ini dan ia hanya dianggap demikian selepas keributan semasa kempen pilihan raya tahun 1990.

"Saya tidak menidakkan pengaruhnya walau bagaimana kecilpun, ia hanya pengaruh kecil politik Melayu, tapi ini tidak bermakna kita bersikap sombong dan tidak mahu berurusan dengan mereka."

"Saya juga mempunyai rasa seperti yang disuarakan seperti orang lain yang mahu mereka dipelawa untuk menyertai Umno kerana matlamat utama perjuangan kita adalah untuk menyatukan orang Melayu," kata beliau.

Mengenai hasrat semangat 46 untuk menyertai sambutan ulang tahun ke-50 tahun Umno, beliau berkata perkara itu akan dibincangkan dalam persidangan MT dua minggu lagi.

Beliau bagaimanapun berkata adalah terlalu awal untuk dibincangkan mengenai perkara itu sekarang kerana masih belum ada kenyataan rasmi daripada parti itu dan beliau hanya mengetahuinya melalui kenyataan akhbar parti itu sahaja.

Selain itu, persidangan MT juga akan membincangkan mengenai pandangan bahawa parti PAS patut turut serta dalam sambutan itu kerana pada peringkat awal PAS adalah satu jawatankuasa di bawah Umno yang dipengerusikan oleh Allahyarham Hj Ahmad Fuad.

Beliau berkata, adalah dijangkakan lebih 3,000 perwakilan Umno akan hadir pada acara sambutan itu termasuk konvensyen perpaduan Melayu untuk mengimbas kekuatan sejarah perjuangan masa lampau dan menetapkan agenda perjuangan di masa akan datang yang diadakan pada 11 Mei ini.

Beliau yang juga pengerusi jawatankuasa induk sambutan itu turut mengingatkan anggota Umno supaya tidak mengadakan kempen pemilihan anggota Majlis Tertinggi kerana masih terlalu awal dan akan menjejaskan minat terhadap sambutan ulang tahun itu.

Sekiranya kempen itu terus diadakan, ia akan memperlihatkan program dan acara untuk memenuhi selera calon-calon berkenaan, katanya.

Beliau berkata, tumpuan utama termasuk larian pemuda dan pameran besar-besaran tentang kejayaan orang Melayu dalam ekonomi dan perniagaan

akan turut dianjurkan oleh Pergerakan Wanita.

Katanya, dalam beberapa acara tertentu ia akan disertai oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dan wakil-wakil kaum-kaum lain termasuk beberapa parti dari negara asing yang ada hubungan dengan Umno.

-- BERNAMA
SA PR